

Formula kejayaan bursa

Um-12/4/2007

Oleh NAZARRY ROSLI

APABILA indeks komposit Bursa Malaysia ditutup di atas paras 1,300 mata pada dua hari berturut-turut, ada satu perasaan nostalgia yang bermain di hati para pelabur. Paras indeks ini mengingatkan kembali kerancangan pasaran saham pada tahun 1993 di mana indeks pasaran telah mencecah rekod mata sebanyak 1,314 pada penutup pasaran malahan telah mencecah paras tertinggi harian (*intra-day*) sebanyak 1,334 mata.

Jangka masa yang diambil untuk kembali kepada aras melebihi 1,300 mata ini adalah 14 tahun. Mungkin ia dilihat sebagai agak lama malahan kepada sebahagian pelabur yang pernah melabur ketika itu mungkin mereka telah tiada lagi di dalam pasaran pada ketika ini.

Apakah faktor-faktor yang telah mempengaruhi pasaran saham pada kali ini yang membolehkan indeks komposit terus meningkat dan mencecah semula kepada paras tertinggi yang lalu?

Terdapat beberapa faktor positif dalaman yang telah mempengaruhi pasaran saham kita. Pertama, beberapa petunjuk ekonomi telah memberi gambaran bahawa ekonomi kita berada di landasan yang betul.

Kadar faedah bank yang bertahan pada kadar 3.5 peratus adalah satu petunjuk baik kepada sektor perbankan. Begitu juga dengan kadar inflasi yang rendah pada kedudukan 2 peratus hingga 2.5 peratus dilihat sebagai tidak memberi tekanan kepada sistem kewangan negara dan pasaran saham.

Seterusnya, kekukuhan kadar tukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) juga dilihat sebagai faktor positif yang telah mempengaruhi sentimen pasaran saham kita.

Pelabur-pelabur asing telah sekian lama memasuki pasaran untuk memanfaatkan keuntungan pada pelaburan mereka di pasaran saham dan keuntungan tukaran ringgit.

Kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar minyak juga telah dapat dimanfaatkan dengan kenaikan harga minyak dunia. Begitu juga dengan penguatan harga minyak kelapa sawit dipasaran dunia telah menguntungkan Malaysia sebagai sebuah negara pengeksport, malahan petunjuk yang mengata-

kan harga minyak kelapa sawit akan terus meningkat telah pun memberi kesan positif kepada kaunter-kaunter perladangan.

Apabila kerajaan mengumumkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) baru-baru ini, sektor pembinaan negara telah dilihat sebagai sektor yang akan mendapat manfaat besar dari projek-projek yang akan dilaksanakan. Secara langsung harga-harga saham kaunter-kaunter berkaitan pembinaan telah meningkat.

Begitu juga apabila kerajaan membuat pengumuman tentang pelepasan cukai keuntungan hartanah (RPGT), kaunter-kaunter berkaitan hartanah di Bursa Malaysia terus meningkat yang memberikan gambaran positif atas dasar kerajaan ini. Jualan hartanah dijangka akan meningkat daripada pelabur dalam dan juga luar negara.

Satu lagi sektor yang dilihat sedang berkembang adalah sektor pertaruhan (*gaming*). Mungkin dasar syarikat kita mula berkembang ke luar negara telah menunjukkan kesan positif ke atas prestasi syarikat mereka.

Begitu juga penekanan oleh kerajaan kita agar syarikat-syarikat Malaysia mengembangkan sayap perniagaan mereka ke luar negara telah menampilkan hasilnya.

Harga saham kaunter-kaunter syarikat yang beroperasi di luar negara telah meningkat dengan agak ketara.

Apabila kerajaan mula membuat dasar terbuka kepada sektor kewangan dengan memberi lima lesen kepada syarikat broker asing dan membuka ruang kepada bank-bank asing untuk beroperasi di Malaysia ia telah dilihat sebagai satu tindakan bijak untuk membawa masuk dana-dana dari luar negara terutama dari negara-negara Timur Tengah yang mempunyai banyak wang lebihan untuk melabur di Malaysia.

Akhir-akhir ini akaun-akaun syarikat korporat juga telah menunjukkan penguatan dan pendapatan syarikat-syarikat tersenarai adalah di tahap yang sihat dan menggalakkan.

Pelabur asing terus tertarik dengan cara Malaysia ditadbir dan kestabilan politik kita memainkan peranan yang sangat penting. Begitu juga dengan tahap pendidikan rakyat Malaysia yang terus meningkat telah dengan sendirinya menaikkan tahap kematangan rakyat secara amnya dan ini adalah penting



KERANCAKAN Bursa Malaysia menarik perhatian pelabur asing.

Terdapat beberapa faktor positif dalaman yang telah mempengaruhi pasaran saham kita. Pertama, beberapa petunjuk ekonomi telah memberi gambaran bahawa ekonomi kita berada di landasan yang betul

untuk kesejahteraan dan kestabilan politik sesebuah negara.

Sebagai kesimpulannya, Malaysia berada di landasan yang kukuh untuk terus maju dan berkembang dan dengan ini sudah pasti pasaran saham akan mendapat manfaat dari kedudukan ekonomi yang mantap ini.

Seterusnya, persoalan ke manakah arah tuju pasaran selepas ini? Adakah indeks komposit boleh terus meningkat?

Dari pengamatan saya, pasaran saham kita mempunyai peluang yang baik untuk terus meningkat ke paras yang lebih tinggi.

Asas ekonomi yang kukuh dan mantap akan menyokong pasaran saham untuk terus meningkat. Malahan, daripada pembacaan secara teknikal, pasaran mungkin akan boleh meningkat ke paras melebihi 1,500 mata hingga ke paras 1,700!

NAZARRY ROSLI Pengarah Eksekutif Urus Niaga Jubiter Securities Sdn. Bhd. dan Pengerusi Operasi Ramister Bumiputra Berhad